



KEMENTERIAN PERPADUAN NEGARA

## **SIARAN MEDIA**

### **LEBIH 35 AKTIVITI UTAMA DIANJUR SEMPENA SAMBUTAN MINGGU PERPADUAN PERINGKAT KEBANGSAAN 2025**

---

Kementerian Perpaduan Negara akan menganjurkan **Sambutan Minggu Perpaduan Peringkat Kebangsaan 2025** bermula dari **17 hingga 20 Julai 2025** bertempat di **perkarangan Stadium Batu Kawan, Pulau Pinang**. Majlis perasmian sambutan ini akan disempurnakan oleh **YAB Dato' Seri Anwar bin Ibrahim, Perdana Menteri** pada **19 Julai 2025 (Sabtu)**, jam 10.30 pagi.

Dengan tema “**Harmoni Dalam Kepelbagaian**”, sambutan ini akan menjadi platform utama dalam memperkukuh perpaduan antara rakyat berbilang kaum dan latar belakang menerusi penglibatan secara langsung masyarakat dalam pelbagai aktiviti yang bersifat inklusif. Objektif utama penganjuran ini adalah untuk merapatkan jurang perbezaan serta memupuk semangat kebersamaan dan saling menghormati yang menjadi asas kekuatan negara.

Antara pengisian utama ialah **pameran Rumah KAMI (rumah etnik), Perkampungan Etnik Kadazan Dusun dan Orang Asli, Pameran Malaysia Tanah Airku, pameran Susur Masa oleh Jabatan Muzium Malaysia dan Pavilion Perpustakaan Malaysia, Food Unites, Jualan MADANI, jualan kraftangan dan produk usahawan tempatan termasuk pesta durian, Larian Uniti, sukan tradisional, kejohanan e-sukan, Kembara Ilmu, Pesta Buku Pulau Pinang, Wayang Pacak, Pertandingan Boria Terbuka, Peragaan Busana Tradisional dan Pertandingan Tarian Etnik Sekolah Rendah.**

Selain itu, kementerian turut menyediakan pelbagai perkhidmatan secara terus kepada rakyat termasuk **diskaun saman Polis Diraja Malaysia (PDRM) dan Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ)**, serta pengurangan

**kompaun pihak berkuasa tempatan seperti Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) dan Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP).** Beberapa pameran agensi kerajaan dan aset keselamatan juga akan diadakan sebagai usaha meningkatkan kefahaman rakyat terhadap fungsi dan peranan agensi-agensi terlibat.

Menambah kemeriahan, beberapa artis ternama tanah air seperti **Dato' Awie, Stacy, Jaclyn Victor, Black Hanifah, Shila Zikir, dan Suki Low** serta persembahan khas oleh kumpulan nasyid **Hijjaz dan Inteam.** Persembahan istimewa **Muzikal Didi & Friends** turut disediakan buat pengunjung cilik, manakala pertandingan seperti **Bintang Idol Perpaduan** dan **Battle of the Band** akan memberi ruang kepada bakat baharu.

Kementerian Perpaduan Negara mengalu-alukan kehadiran seluruh rakyat Malaysia ke sambutan ini sebagai tanda sokongan terhadap usaha memperkukuh keharmonian nasional.

**Kementerian Perpaduan Negara**

13 Julai 2025

KPN.100-9/1/16 (51)